

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YIEW [SIBU]

TARIKH : 13 OGOS 2020

SOALAN

YB TUAN OSCAR LING CHAI YIEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan definisi sempadan Kepulauan Spratly, mengapakah terumbu Layang-Layang atau gugusan Semarang Peninjau bukan sebahagiannya.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kepulauan Spratly merupakan gugusan entiti geografi seperti pulau-pulau kecil dan terumbu karang yang terletak di bahagian selatan Laut China Selatan. Secara amnya, Kepulauan Spratly turut merangkumi Pulau Layang-Layang dan Gugusan Semarang Peninjau yang terletak dalam perairan Malaysia berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979.
2. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri dan agensi keselamatan negara yang berkaitan, khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa memastikan aspek keselamatan dan kedaulatan maritim negara di kawasan Pulau Layang-Layang dan Gugusan Semarang Peninjau berada dalam keadaan yang aman, selamat dan terpelihara melalui pelaksanaan operasi rondaan maritim khas dan pembinaan Stesen Luar Pantai TLDM.
3. Perkara ini merupakan sebahagian daripada tindakan *effectivities (regulatory and administrative assertions of authority)* yang dilaksanakan oleh Malaysia untuk menzahirkan kedaulatan dan pemilikan ke atas pulau atau terumbu di Malaysia berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979. Kerajaan Malaysia akan terus menyelaras dan meningkatkan usaha tersebut bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan wilayah negara sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.